



## BAB 8: PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN

### 8.1 PEMBANGUNAN EKONOMI ( m/s 197 )

#### 8.1.1 a) Rancangan 5 Tahun Tahap Pertama: (m/s 198 )

##### a) Rancangan Malaya Pertama

- ❖ Matlamat utama Rancangan Malaya Pertama:
  - a) membangunkan kawasan luar bandar supaya jurang pendapatan penduduk luar bandar dengan bandar dapat dirapatkan.
  - b) mengurangkan kadar kemiskinan penduduk luar Bandar.
  - c) mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan sumber pendapatan negara supaya tidak terlalu bergantung pada getah dan bijih timah.
- ❖ Rancangan pembangunan bersepodu yang memberikan perhatian terhadap sektor ekonomi sosial dan awam.
- ❖ Pembukaan tanah baru untuk pertanian, penanaman semula getah oleh pekebun kecil dan secara ladang digalakkan, hasil keluaran pertanian dipelbagaikan dan perusahaan melombong bijih timah diperluas.
- ❖ Kemudahan dan perkhidmatan diberikan seperti kesihatan, pendidikan dan perhubungan.
- ❖ Infrastruktur seperti balai polis, kem tentera, pejabat pos, mahkamah dan rumah kakitangan kerajaan diadakan.
- ❖ Dua agensi utama memainkan peranan penting:-
  - a) RIDA .
    - Matlamat RIDA membangunkan masyarakat luar bandar.
    - ❖ Peranan RIDA seperti memberi pinjaman kepada pengusaha pertanian kecil dan membantu pemasaran hasil pertanian mereka, serta menggalakkan orang Melayu dalam perniagaan.
    - ❖ RIDA juga memajukan ekonomi, sosial dan infrastruktur.
  - b) FELDA
    - Ditubuhkan untuk meningkat taraf hidup masyarakat luar Bandar dan meningkatkan hasil pertanian.
    - Tanah baru dibuka besar-besaran untuk pertanian dan sebagai petempatan baru yang dilengkapi kemudahan asas.
    - ❖ Penduduk luar Bandar yang miskin dipindahkan ke petempatan baru ini dan menjadi petani moden. Tanaman tumpuan ialah getah dan kelapa sawit.
    - ❖ Kejayaan FELDA menjadi contoh kepada Negara Dunia Ketiga.
- ❖ Ranc.Malaya Pertama kurang memberangsangkan kerana:-
  - a) ancaman komunis mengalihkan memperuntukkan perbelanjaan negara kepada keselamatan negara.
  - b) kejatuhan harga getah dan bijih timah di pasaran dunia.

**b) Rancangan Malaya Kedua (1960-1965)**

- ❖ Adalah kesinambungan RM 1 kerana penekanan masih kepada pembangunan penduduk luar bandar.
- ❖ Tujuannya untuk:-
  - a) merapatkan jurang pendapatan penduduk luar bandar dengan penduduk bandar
  - b) mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
- ❖ Pembukaan tanah FELDA diijatkan.
- ❖ Usaha mempelbagaikan tanaman bagi mengurangkan pergantungan terhadap getah dan makanan import dibuat.
- ❖ Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) pula ditubuhkan untuk membantu petani mengatasi masalah pemasaran dan seterusnya meningkatkan pendapatan hasil pertanian mereka.
- ❖ RM 2 juga memberi tumpuan terhadap infrastruktur sosial seperti pelajaran, kesihatan dan perumahan. Peluang pekerjaan juga diberi perhatian.
- ❖ Kementerian Pembangunan Luar Bandar mewujudkan Bilik Gerakan Negara di Kuala Lumpur bagi menyelaras pembangunan peringkat negeri, daerah dan kampung.
- ❖ Buku Merah mengandungi program, perlaksanaan dan kaedah mengesan tahap pencapaian turut diperkenalkan.

**c) Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970)**

- Merupakan rancangan 5 tahun pertama setelah penubuhan Malaysia.
- Integrasi nasional menjadi tunpuan utama melalui program pembangunan berfokuskan kesejahteraan rakyat.
- Ianya bersifat bersepada merangkumi semua bidang ekonomi dengan mempelbagaikan ekonomi pertanian dan perindustrian dilaksanakan.
- Pembukaan tanah FELDA bertambah pesat lagi.
- Projek seperti Segi Tiga Jengka dan Johor Tenggara dilaksanakan.
- Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) dibuat untuk membantu FELDA menjalankan pembangunan ekonomi luar bandar.
- RIDA telah digantikan dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Matlamat MARA membantu bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian.
- Strategi MARA seperti membantu usahawan bumiputera, menambah guna tenaga bumiputera dan meningkatkan ekuiti bumiputera.
- MARA juga menyediakan kemudahan asas kepada bumiputera.
- Bank Bumiputera ditubuhkan untuk menggalakkan penyertaan bumiputera dalam perusahaan dan perdagangan.
- Penubuhan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) pula bertujuan menggiatkan lagi penyertaan bumiputera dalam bidang tersebut.
- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) pula bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan memperkenal teknologi meningkatkan hasil keluaran pertanian kecuali getah.
- Pembangunan Perindustrian juga dapat dilihat dengan penubuhan agensi seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Lembaga Penasihat Tarif.
- Akta Pelaburan pula berfungsi menggalak kemunculan industri baru.
- Ekonomi yang memberangsangkan terbantut apabila berlaku Peristiwa 13 Mei 1969.

**b) Rancangan 5 tahun Tahap Kedua (m/s 201)****a) Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975)**

- ❖ Merupakan rancangan lima tahun pertama di bawah DEB.
- ❖ Matlamatnya adalah :
  - a) untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial antara kaum, kawasan dan wilayah.
  - b) membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan menambah pendapatan dan menyediakan pekerjaan.
  - c) menyusun semula masyarakat.
  - d) menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi.
- ❖ Program pembangunan kawasan luar bandar diteruskan.
- ❖ Agensi di bawah Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah ditubuhkan untuk melaksanakan program pembangunan wilayah. Agensi lain juga ditubuhkan khususnya untuk membantu golongan petani, menggalakkan perusahaan dan perdagangan serta memajukan Bandar.
- ❖ Contoh agensi kerajaan tersebut:
  - Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN)- Menstabil harga padi
  - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)- membangunkan dan memodenkan industry perikanan serta meningkatkan taraf hidup nelayan.
  - Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)- membangunkan Bandar.
  - Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)- membantu pekebun kecil dari segi penyelidikan dan tanaman semula.
  - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)- Membantu petani melibatkan diri dalam kegiatan koperasi.
  - Petroleum Malaysia Berhad (PETRONAS) – Memajukan sektor perindustrian dan perniagaan yang berkaitan dengan petroleum.
  - Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pula menggalakkan Perindustrian dan perdagangan dengan menyediakan tapak perindustrian, perumahan, ruang pejabat dan kedai

**b) Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)**

- ❖ Merupakan rancangan lanjutan Ranc. Malaysia Kedua yang terus mendorong aspirasi DEB.
- ❖ Usaha membasmi kemiskinan dan menyusun masyarakat diteruskan.
- ❖ Program Pembanguna Pertanian dan Perindustrian bertujuan untuk meningkatkan produktiviti.
- ❖ Ia juga membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.
- ❖ Pembukaan tanah besar-besaran seperti KEJORA, KETENGAH, DARA dan KESEDAR tertumpu kepada penanaman getah dan kelapa sawit kerana keperluan eksport, serta membangunkan Bandar baru.

**c) Rancangan Malaysia Keempat: (1981-1985)**

- ❖ RMK4 seperti RMK3 mendukung aspirasi DEB tetapi dalam keadaan kelembapan ekonomi.
- ❖ RMK4 mula menumpukan perusahaan berat yang berasaskan modal, teknologi tinggi serta tenaga kerja mahir.
- ❖ Penubuhan HICOM adalah untuk mengenalpasti, memulakan dan menguruskan projek industry berat dengan cekap seperti yang dikendalikan oleh sektor swasta.
- ❖ Pelaburan modal asing digalakkan, maka perusahaan baru dibuka seperti di Skudai (Johor), Senawang (Negeri Sembilan), di Bintulu (Sarawak) serta di Menggatal dan Likas (Sabah).
- ❖ Zon perdagangan bebas diperkenalkan di Bayan Lepas (Pulau Pinang) dan di Sungai Way (Selangor).
- ❖ Kelemahan dalam struktur perindustrian negara dikenal pasti oleh Kajian Dasar Perindustrian Malaysia.
- ❖ Pelan Induk Perindustrian pula menyediakan hala tujuan pembangunan industri dan strategi pelaksanaannya.
- ❖ Dasar Penswastaan dan Dasar Pensyarikatan Malaysia dilaksanakan untuk melibatkan sektor swasta.
- ❖ Penglibatan swasta mengurangkan beban kewangan kerajaan.
- ❖ Projek kereta Proton di Shah Alam untuk pasaran tempatan dan eksport.
- ❖ Bagi mengimbangi pemilikan harta dan saham perindustrian bumiputera dengan kaum bukan bumiputera, Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah ditubuhkan dan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dilancarkan.
- ❖ Dasar Pertanian Negara pula bermatlamat memoden dan menggiat semula sektor pertanian secara bersepadu dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan.
- ❖ RMK 4 mencatat KDNK 5.8 peratus setahun. Pendapatan per kapita pula meningkat 4.4 peratus setahun menjadi RM4000 juta pada tahun 1985.

**d) Rancangan Malaysia Kelima: (1986-1990)**

- ❖ RMK 5 ialah rancangan 5 tahun terakhir untuk merealisasikan DEB.
- ❖ RMK5 meningkatkan perindustrian dengan melonggarkan peraturan mengawal hak milik syarikat dan perlesenan dalam sektor swasta.
- ❖ Syarat pelaburan modal asing dilonggarkan untuk meningkatkan pelaburan sektor perindustrian.
- ❖ Kerajaan berusaha meningkatkan kecekapan pengurusan agensinya agar dapat bekerjsama dengan sektor swasta dengan lebih berkesan.
- ❖ Pembangunan luar Bandar diberikan perhatian, dimana penggunaan tanah lebih cekap. Industri desa seperti kraf tangan digalakkan. Kredit diperluas, misalnya, Bank Pertanian Malaysia, Skim Pinjaman Khas Pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia.
- ❖ Penubuhan Perbadanan Pelancongan Malaysia merancakkan industri pelancongan terutama dengan pelancaran Tahun Melawat Malaysia.
- ❖ Satu lagi penekanan RMS5 adalah penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan guna tenaga tempatan.
- ❖ Selepas RMS5 hak milik modal saham bumiputera 20.3% sedangkan sasaran 30%. Sebaliknya hak milik modal saham bukan bumiputera 46.2% melebihi sasaran 40%. Ini bermakna DEB memberikan manfaat kepada semua kaum. Hak milik modal saham orang asing hanya tinggal 33.5%

**8.1.2 Dasar Pembangunan Ekonomi (m/s 206 )****a) Dasar Pertanian Negara (DPN)**

- DPN bermatlamat meningkatkan pendapatan sektor pertanian ke tahap maksimum menerusi pengurusan sumber ekonomi negara yang cekap.
- DPN juga ingin memaksimumkan pendapatan pekebun kecil di samping memajukan komoditi utama yang berpotensi untuk dieksport.
- Antara strateginya menggalakkan pembukaan tanah baru oleh FELDA, agensi pembangunan wilayah dan kerajaan negeri.
- Program pembangunan in-situ diperkenalkan untuk memulihkan kawasan yang berproduktiviti rendah.
- Ia juga merupakan strategi untuk meningkatkan produktiviti kawasan pertanian sedia ada.
- Ia turut dilaksanakan melalui projek bersepadu contohnya, KEMUBU, JOHOR BARAT dan SELANGOR BARAT.
- Program ini menyediakan khidmat sokongan pertanian dan pemasaran, kredit, subsidi dan penyelidikan.
- Penglibatan swasta dalam projek penswastaan pertanian Kementerian Pertanian juga diperkenalkan.

**b) Dasar Pensyarikatan Malaysia (DPM)**

- Dasar ini bermatlamat merangsang penglibatan swasta secara aktif dan berkesan dalam pembangunan Negara.
- Dasar ini menganggap Malaysia sebuah syarikat yang dimiliki bersama oleh kerajaan dan swasta.
- Semua kakitangan kerajaan dan swasta adalah pemilik saham dan pekerja dipertanggungjawabkan memajukan syarikat ini, iaitu Malaysia.
- Sebuah panel perunding antara pihak kerajaan dengan swasta ditubuhkan.
- Pegawai kerajaan ditempatkan di syarikat swasta untuk menjalinkan hubungan dan berkongsi kepakaran.
- Sektor swasta pula perlu memahami dasar kerajaan dan mengutamakan kepentingan nasional dalam aktiviti ekonomi di samping mendapatkan keuntungan maksimum.
- Pihak kerajaan pula bertindak memberi perkhidmatan sokongan bagi memudahkan operasi sektor swasta.

**c) Dasar Penswastaan (DP)**

- DP dilancarkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Mac 1983.
- Menerusi dasar ini, kerajaan memindahkan perkhidmatan, perusahaan, pelaburan dan kuasa tertentu kepada sektor swasta.
- Dasar ini bermatlamat mengurangkan beban kewangan kerajaan, kesannya kerajaan boleh mengalihkan tumpuan terhadap pembangunan sektor lain .
- Ia juga bertujuan meningkatkan produktiviti serta kualiti perkhidmatan atau barang.
- Ini adalah kerana swasta dianggap lebih cekap daripada sektor swasta.
- Dasar ini diyakini dapat mempercepat pembangunan ekonomi negara melalui pelaburan modal swasta.
- Unit Perancang Ekonomi (UPE) bertindak sebagai j/kuasa penswastaan yang memberi garis panduan kepada sesebuah kementerian atau jabatan yang ingin menjalankan penswastaan.
- Penswastaan boleh dilaksanakan secara sepenuhnya ataupun secara sebahagian. Antara syarikat yang terlibat dalam penswastaan seperti Syarikat Airod Sdn. Bhd. Dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

**d) Dasar Hala Tuju Cara baru**

- Dasar ini merupakan pendekatan baru membangunkan kawasan luar bandar.
- Matlamat utamanya meningkatkan pendapatan petani dan pekerja desa melalui penglibatan mereka dalam pelaburan. Dasar ini dilaksanakan melalui tiga strategi.
- **Strategi pertama** adalah dengan mengelompokkan kampung-kampung menjadi penempatan yang lebih besar supaya segala kemudahan dapat disediakan dengan lebih ekonomik.
- **Strategi kedua**, meningkatkan pendapatan petani dan pekerja desa melalui program usahawan desa yang terlibat dengan industri pembuatan barang.
- **Strategi ketiga** ialah perlaksanaan projek pembangunan oleh agensi kerajaan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

**d) Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara (DPDPN)**

- DPDPN bermatlamat mencapai kadar tahap pertumbuhan ekonomi berterusan walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran
- Peningkatan hasil pendapatan negara penting untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi.
- DPDPN juga memastikan penggunaan sumber negara pada tahap maksimum bagi mengelakkan sebarang pembaziran, disamping memastikan sektor perindustrian dapat bersaing pada peringkat antarabangsa.
- Antara strategi DPDPN- membaiki sistem pengurusan operasi, struktur organisasi, penggunaan teknologi terkini serta penerapan nilai dan etika kerja yang murni.

**f) Dasar Kependudukan**

- Matlamat Dasar ini adalah untuk mencapai sasaran 70 juta penduduk menjelang tahun 2100.
- Pertumbuhan penduduk dalam jangka masa panjang akan member kesan positif. Antaranya bekalan tenaga kerja, peningkatan produktiviti dan perluasan pasaran, kekuatan politik dan keselamatan negara.
- Dasar ini menitik beratkan kadar pertumbuhan penduduk dengan pembangunan sosio ekonomi negara khususnya yang berkaitan dengan kemudahan pendidikan, perumahan, kesihatan dan peluang pekerjaan.
- Program pembangunan negara di dasarkan unjuran jumlah penduduk, ini adalah untuk memastikan pertambahan jumlah penduduk tidak mendatangkan masalah kepada negara.

## 8.2 PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN (m/s 210 )

### 8.2.1 Rukun Negara

- ❖ Kesan peristiwa 13 Mei 1969, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan. Tun Abdul Razak Hussien menjadi pengarah MAGERAN.
- ❖ Peranannya ialah mengembalikan keamanan, melicinkan pentadbiran dan mengembalikan keharmonian kaum.
- ❖ MAGERAN dipertanggungjawabkan mengambil alih pentadbiran negara selama 21 bulan dan telah menubuhkan Majlis Perundingan Negara (MPN) untuk membincangkan dan menilai isu perpaduan negara.
- ❖ MPN menekankan pembentukan ideologi negara yang dikenal sebagai Rukun Negara dan di isytiharkan pada 31 Ogos 1970.
- ❖ Matlamat Rukun Negara untuk mengukuhkan perpaduan, memelihara corak hidup demokratik, mencipta masyarakat yang adil, menjamin sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang pelbagai dan membina masyarakat yang progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi.
- ❖ Prinsip-prinsip Rukun Negara adalah seperti berikut:
  - **Prinsip pertama ( Kepercayaan kepada Tuhan ):** agama merupakan pegangan utama rakyat Malaysia. Rakyat beragama mudah diurus menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab.
  - Perlembagaan Malaysia 1963 menetapkan bahawa Islam agama rasmi tetapi agama lain bebas diamalkan.
  - **Prinsip kedua (Kesetiaan kepada Raja dan Negara):** Menuntut supaya rakyat Malaysia memberikan kesetiaan kepada Raja dan Negara.
  - Yang Dipertuan Agong merupakan ketua negara dan Raja Melayu merupakan Ketua Negeri. Raja adalah symbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa pribumi. Penderhakaan kepada raja bermaksud penderhakaan kepada negara.
  - **Prinsip ketiga (keluhuran Perlembagaan):** Menekankan keluhuran perlembagaan. Perlembagaan merupakan undang-undang utama bagi sesebuah negara dan dianggap luhur, unggul serta suci. Keluhuran perlembagaan menuntut semua rakyat menerima, mematuhi, menyanjung dan mempertahankannya.
  - **Prinsip keempat (Kedaulatan undang-undang):** Menekankan kedaulatan undang-undang. Prinsip ini meuntut rakyat Malaysia menghormati undang-undang dengan tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang.
  - Semua rakyat akan dapat hidup dengan aman damai apabila kedaulatan undang-undang terpelihara. Kita bertanggungjawab memastikan undang-undang negara sentiasa di daulatkan dan tidak di cabar oleh mana-mana pihak.
  - **Prinsip kelima (Kesopanan dan Kesusilaan) :** Menuntut semua rakyat Malaysia bersopan dan bertatasusila. Kesopanan dan kesusilaan merupakan nilai-nilai murni yang melambangkan keperibadian seseorang individu. Kesopanan dan kesusilaan menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni, penyayang dan saling menghormati.

**8.2.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (m/s 212 )****a) Laporan Barnes:**

1. Mencadangkan:-
  - i) semua sekolah vernakular dibubarkan
  - ii) digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja iaitu sekolah kebangsaan
  - iii) bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada peringkat sekolah rendah
  - iv) Bahasa Inggeris pada peringkat menengah dan peringkat yang lebih tinggi.
2. Cadangan ini ditentang oleh masyarakat Cina kerana menganggap bahasa ibunda mereka akan tergugat.

**b) Laporan Fenn Wu (1951)**

1. Mewakili masyarakat Cina mencadangkan sekolah vernakular Cina terus kekal walaupun bersetuju dengan sistem pendidikan kebangsaan

**c) Ordinan Pelajaran ( 1952 )**

1. Diperkenalkan dengan mengambil kira laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu.
2. Mencadangkan :-
  - i) dua sistem persekolahan menggunakan dua bahasa pengantar iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris
  - ii) Pengajaran bahasa Cina dan Tamil disediakan sekira ada permintaan i/bapa
  - iii) Bahasa Melayu wajib diajar di sekolah Inggeris. Bahasa Inggeris diwajibkan diajar di sekolah Melayu.
3. Ordinan ini tidak dapat dijalankan kerana tentang masyarakat Cina dan India, kekurangan kewangan dan ancaman pengganas komunis.

**d) Penyata Razak (1956)**

1. Penyata ini mengemukakan dua elemen penting yang dapat menyubur semangat perpaduan iaitu:-
  - i)sistem persekolahan yang sama bagi semua penduduk
  - ii)penyeragaman kurikulum yang bercorak kebangsaan
2. Antara cadangan Pernyata Razak adalah:-
  - i) Sekolah umum ( rendah ) yang menggunakan bahasa Melayu sbg bahasa pengantar
  - ii) Sekolah jenis umum (rendah ) menggunakan bhs Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar
  - iii)) Sekolah menengah Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
  - iv) Sekolah menengah Inggeris menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
  - v) Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diwajibkan diajar di semua sekolah.

**e) Laporan Rahman Talib (1960)**

1. Ditubuhkan untuk mengkaji Ordinan Pelajaran 1960.
2. Antara cadangan Penyata Rahman Talib adalah:-
  - i) Sekolah umum dijadikan sekolah kebangsaan.
  - ii) Sekolah jenis umum dijadikan sekolah jenis kebangsaan
  - iii) Pelajaran percuma diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah kerajaan tanpa mengira keturunan dan agama.
  - iv) Sekolah rendah menukar bhs Inggeris kepada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
  - v) Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah menengah.
  - vi) Pelajaran agama Islam diajar di semua sekolah bantuan penuh jika terdapat 15 orang murid
  - vii) Bahasa Cina dan bahasa Tamil akan diajar disekolah kebangsaan sekira terdapat 15 orang murid
3. Syor-syor dalam Laporan Rahman Talib telah diterima dan digubal menjadi Akta Pendidikan 1961.

**f) Kajian Aminuddin Baki ( 1965 )**

1. Sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan pada tahun 1965.
2. Bertujuan untuk menampung pelajar yang gagal memasuki sekolah menengah akademik.
3. Matlamatnya untuk menyediakan pelajaran pada peringkat menengah rendah sehingga berumur 15 tahun
4. Memberikan pelbagai kursus kemahiran untuk melahirkan tenaga kerja mahir sebagai persediaan untuk pasaran pekerjaan.
5. Kursus kemahiran pilihan yang diajar termasuklah perdagangan, sains rumah tangga, seni perusahaan, dan sains pertanian.
6. Mata pelajaran wajib sama dengan yang diajar di sekolah menengah biasa.

**g) Jawatankuasa Kabinet (1974)**

1. Di penguruskan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.
2. Bertujuan mengkaji semua pelaksanaan sistem pelajaran.
3. Objektif utama adalah untuk:
  - i) menilai sejauhmana pelakasanaan dasar pelajaran kebangsaan yangsedia ada dapat melahirkan sumber tenaga manusia yang diperlukan oleh negara
  - ii) mengenal pasti sejauh mana dasar pelajaran kebangsaan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.
4. Antara cadangan Jawatankuasa Kabinet:-
  - i) penekanan kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira
  - ii) kenaikan darjah secara automatik
  - iii) penekanan kepada sekolah vokasional
  - iv) sukanan pelajaran sekolah swasta
  - v) bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib dalam peperiksaan
5. Kesan daripada Laporan ini telah diperkenalkan KBSR dan KBSM

**h) Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

1. Suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada.
2. Untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan Jasamani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.
3. Usaha bagi melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan , berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara

**8.2.3 Akta Bahasa Kebangsaan (m/s 216 )**

1. Perkara 152 dalam Perlembagaan PTM 1967 telah memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
2. Antara langkah memajukan bahasa Melayu ialah;-
  - i) Penubuhan DBP
  - ii) Pelancaran Minggu Bahasa dan Bulan Bahasa
  - iii) Menggunakan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”
  - iv) Penubuhan sekolah menggunakan bahasa melayu sebagai bahasa pengantar spt Sekolah Alam Shah, Sekolah Sri Puteri dan Sekolah Sultan Abdul Halim
  - v) Meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan
  - vi) Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia

**8.2.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan (m/s 217 )**

1. Dasar ini menjadi panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara Malaysia.
2. Objektif dasar ini:-
  - i) untuk memperkuuh perpaduan melalui kebudayaan
  - ii) memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan
3. Dasar ini digubal berdasarkan tiga prinsip utama:-
  - i) kebudayaan rakyat asal
  - ii) unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima
  - iii) Islam sebagai unsur terpenting

**8.2.5. Sukan untuk Perpaduan (m/s 218 )**

1. Kepentingan sukan :-
  - i) sebagai alat perpaduan tanpa mengira ideologi
  - ii) menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan rakyat
  - iii) terbuka kepada semua kaum
2. Usaha kerajaan:-
  - i) Menggalakkan aktiviti sukan di peringkat sekolah sebagai aktiviti kokurikulum.
  - ii) Menubuhkan MSSM di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.
  - iii) Menganjurkan Temasya Sukan Malaysia 2 kali setahun.

### 8.3 MALAYSIA KE ARAH NEGARA MAJU ( m/s 219 )

#### a) Latar Belakang Idea Wawasan 2020

- Idea ini dicetuskan oleh Dr.Mahathir Mohammad pada 28 Februari 1991.
- Matlamatnya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang menggunakan acuan sendiri standing dengan negara maju di dunia.
- Kemajuan ini diharapkan bukan seperti negara maju di Barat yang mengutamakan kemajuan fizikal semata-mata.
- Menurut Dr. Mahathir, negara Malaysia yang maju sepenuhnya tidak akan wujud sehingga kita dapat mengatasi sembilan cabaran berikut.

#### b) 9 Cabaran Wawasan 2020

1. Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.
2. Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan.
3. Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang.
4. Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika.
5. Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi.
6. Membina masyarakat yang maju dan saintifik.
7. Mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang.
8. Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya.
9. Memupuk dan membina masyarakat makmur.

**c) Perincian Cabaran Wawasan 2020:**

- ❖ Perpaduan Masyarakat Malaysia merupakan asas kekuatan negara. Ia boleh dicapai melalui dasar kerajaan.
- ❖ Masyarakat Malaysia perlu berjiwa bebas, berperasaan tenteram, sentiasa bersikap terbuka, berkeyakinan diri, bangga dengan apa yang dicapai dan gagah menghadapi pelbagai masalah.
- ❖ Masyarakat Malaysia yang demokratik perlu dipupuk dan dibina. Masyarakat demokratik memiliki kebebasan untuk memilih kerajaan.
- ❖ Masyarakat bermoral dan beretika pula perlu diseimbangkan dengan kemajuan fizikal dalam membentuk masyarakat berbudaya unggul. Kepatuhan kepada agama, pengalaman budaya dan tradisi yang cemerlang, keberkesanan sistem pendidikan dan keunggulan institusi kekeluargaan merupakan sumber pembinaan masyarakat bermoral dan beretika.
- ❖ Masyarakat yang matang dapat berfikir secara rasional. Masyarakat yang liberal dapat membebaskan diri dari fahaman sempit dan berfikiran terbuka. Langkah ke arah mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi dapat dilihat melalui perlembagaan negara, pengalaman sistem demokrasi kewujudan parti politik gabungan pelbagai parti kaum.
- ❖ Masyarakat yang maju merupakan masyarakat progresif yang dapat menyerap segala perubahan persekitarannya untuk membina kecemerlangan. Masyarakat yang maju tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat saintifik.
- ❖ Masyarakat penyayang sering dicirikan dengan kehidupan masyarakat yang bermuafakat, saling memahami dan menghormati, bekerjasama dan saling membantu.
- ❖ Masyarakat makmur dicirikan oleh masyarakat yang hidup dalam kemewahan dan mempunyai taraf hidup yang tinggi. Pada masa yang sama tiada ahli masyarakat yang hidup miskin.